

## **JKM gotong-royong bersih Rumah Puan Zainon Warga Emas**

JABATAN Kebajikan Malaysia (JKM) Shah Alam mengadakan gotong-royong di Rumah Puan Zainon Warga Emas, Padang Jawa.

Program tersebut disertai 18 orang yang melakukan kerja-kerja pembersihan di kawasan kediaman berkenaan.

Matamat utama penganjurannya bertujuan memastikan kumpulan sasaran tersebut mendapat layanan

yang adil tanpa mengira umur, jantina, keturunan, agama dan yang kurang upaya.

Melalui program itu, ia mampu memupuk semangat tolong-menolong untuk mengukuhkan budaya ikram dan penyayang.

Pada masa sama, ia dapat mewujudkan kemudahan yang tertentu demi menjamin penjagaan dan perlindungan kumpulan sasaran.



Antara peserta yang terlibat dalam gotong-royong JKM Shah Alam.